

PROGRAM MOTIVASI KECEMERLANGAN BUDAYA KERJA

Hal Ehwal Pelajar

Telah Dihantar: 21 Disember 2010 15:29

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Sk: Prof. Madya Dr. Mohd Amy Azhar b. Hj. Mohd Harif; Ahmad Rasidi B Abdullah



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

21 DISEMBER 2010 / 15 MUHARAM 1432H

" UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA "
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

HEP UUM – Pusat Kaunseling telah melaksanakan siri terakhir Program Motivasi Kecemerlangan Budaya Kerja pada 15 Disember 2010 (Rabu). Seramai 150 orang staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah mengikuti program ini. Siri Ceramah Motivasi bertempat di Dewan Seminar 'A', Pusat Konvesyen dan Riadah pula bertempat di Driving Range, Kelab Golf Universiti Utara Malaysia. Slot motivasi pada jam 9.00 pagi telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Amy Azhar Bin Hj. Mohd Harif, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar bertajuk '*Transformasi Budaya Kerja Cemerlang*'. Di antara input yang telah diperolehi oleh peserta ialah peranan yang perlu ada dalam diri peserta iaitu meliputi lima (5) aspek yang perlu diterapkan dalam budaya kerja iaitu tanggungjawab kita kepada Allah, diri, keluarga, tempat kerja dan organisasi bagi melahirkan pekerja yang cemerlang dari aspek sahsiah serta kepuasan kerja dalam hidup mereka. Seterusnya bagi slot riadah iaitu pada jam 11.00 pagi Pertandingan Golf di mana En. Zaim Bin Ahmad, pensyarah UUM COLGIS dan En. Mhd Fauzi B Ahmad, staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar adalah dilantik sebagai jurulatih dan pengadil bagi pertandingan golf. Beberapa orang staf JHEP yang telah menjalani sesi latihan selama empat (4) sesi berturut-turut telah terpilih bagi mewakili kumpulan masing-masing bagi pertandingan golf serta menunjukkan komitmen yang tinggi bagi memastikan kumpulan mereka mendapat tempat terbaik dalam pertandingan tersebut. Majlis perasmian penutup Program Motivasi Kecemerlangan Budaya Kerja telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Amy Azhar Bin Hj. Mohd Harif.

